

**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN
JABATAN KEJURUTERAAN**

No. Rujukan : **MDBG.(S).400-5/7/82(4)**
Tarikh : **19 OGOS 2026**

NOTIS SEBUT HARGA

(SEBUT HARGA: 35/2026)

SEBUT HARGA UNTUK KONTRAKTOR BERTARAF BUMIPUTERA SAHAJA

Sebut harga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di **Negeri Perak** dan mempunyai **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** serta **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang masih sah dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran butiran kerja seperti berikut :

BIL	BUTIR- BUTIR SEBUT HARGA	KELAYAKAN	BUTIR-BUTIR PENDAFTARAN DAN TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU PEMBELIAN DOKUMEN (SECARA ATAS TALIAN)	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1.	No Sebut Harga: 35/2026 Projek: KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH GELANGGANG SERBAGUNA DI ARA PAYONG MD BATU GAJAH	GRED G1 Kategori B&CE Pengkhususan B13, B14 & CE01	Tarikh: 21 Ogos 2026 Tempat Pendaftaran Dan Taklimat : Auditorium, Majlis Daerah Batu Gajah Waktu Pendaftaran : Jam 8.30 pagi – 10.00 pagi Taklimat : Jam: 10.00 pagi Kehadiran : WAJIB **Sila muat turun borang pendaftaran sebut harga di Laman Web Rasmi MDBG	Tarikh Pembelian : 21 Ogos 2026 Tarikh dan waktu tutup pembelian : 26 Ogos 2026 (12.00 tengahari) Harga Dokumen : RM50.00 Pautan bagi pembelian borang akan dimaklumkan semasa taklimat.	Tarikh Tutup: 27 Ogos 2026 Jam: 12.00 tgh hari

1. Taklimat lawatan sebut harga adalah wajib dihadiri oleh semua kontraktor yang berminat dengan kerja yang ditawarkan.
2. Lawatan tapak secara rasmi tidak akan diadakan oleh pihak Majlis. Walau bagaimanapun, kontraktor adalah disyorkan untuk membuat lawatan tapak secara persendirian.

3. Hanya **Penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK) sahaja boleh menghadiri lawatan tapak, pendaftaran kerja dan taklimat Sebut harga.
4. Kontraktor (Penama) dikehendaki membawa dokumen-dokumen berikut semasa pendaftaran kerja dan taklimat sebut harga :
 - 4.1 Kad Pengenalan (Pemilik Syarikat);
 - 4.2 Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)(CIDB);
 - 4.3 Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)(CIDB);
 - 4.4 Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB);
 - 4.5 Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM);
 - 4.6 Salinan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) – **Tahun 2026 berstatus PATUH.**
Bagi syarikat yang berdaftar sebagai syarikat perkongsian, TCC yang dikemukakan hendaklah didaftarkan atas nama syarikat. Manakala bagi syarikat pemilikan tunggal, TCC yang dikemukakan hendaklah atas nama pemilik syarikat.
 - 4.7 Salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor Majlis Daerah Batu Gajah.

Nota :

- Kontraktor hendaklah memastikan sijil-sijil yang dikemukakan masih sah pada tarikh pendaftaran dan taklimat
 - Tempoh sah laku sijil adalah tiga (3) bulan dari tarikh tamat tempoh sah laku sijil.
 - Hanya syarikat yang telah berdaftar sebagai kontraktor MDBG pada atau sebelum 18 Ogos 2026 sahaja yang layak untuk menyertai kerja sebut harga ini.
5. Semua borang sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA, DI JABATAN PERBENDAHARAAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, 31000 BATU GAJAH** seperti di atas.
 6. Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **MAJLIS DAERAH BATU GAJAH** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.
 7. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah sekali atau mana-mana sebutharga yang disyorkan.



(MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI., PMP., AMP.)

Yang Dipertua

Majlis Daerah Batu Gajah